

# Nur Allya, Genaldo juara Talentime Tamu Gadang UMSKAL

UB 06.12.2023 P.06

**LABUAN:** Nur Allya Mardiana Jairin muncul johan pertandingan Talentime kategori 17 tahun ke bawah sempena Tamu Gadang Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) 2023.

Naib johan Kumpulan Koir SMK Labuan dan ketiga Nur-

faeza Tul Zuhairah Sabtu @ Noor Maziz.

Sementara itu, bagi kategori 18 tahun ke atas, juara menjadi milik Genaldo Bantikan @ Leo.

Naib johan disandang Awang Hasley Ali Omar manakala Awangku Danial Mateen Pg

Kamaluddin menduduki tempat ketiga.

Juara membawa pulang hadiah wang tunai RM300 manakala naib johan dan ketiga masing-masing menerima RM200 dan RM100 berserta sijil penyertaan.

Pengarah Universiti Malaysia

Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL), Prof. Madya Dr. Mohamad Rizal Abdul Hamid menyampaikan hadiah kepada pemenang.

Turut hadir Penyelaras Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB) UMSKAL, Dr Syahrul Nizam Salam dan Penolong Pendaftar Kanan PPIB, Noraini Samsu.

Dr Syahrul Nizam mengucapkan terima kasih kepada AJK Penganjur yang terdiri daripada pensyarah dan guru Bahasa PPIB serta AJK Pelajar.

Tamu Gadang UMSKAL 2023 diadakan bersempena dengan Majlis Konvokesyen UMS Kali Ke-25 yang akan berlangsung pada 11 hingga 14 Disember 2023 di Kampus Induk, Kota Kinabalu.



**JUARA:** Dr. Mohamad Rizal menyampaikan hadiah Johan bawah 17 tahun kepada Nur Allya Mardiana.



**MANTAP:** Naib Johan bawah 17 tahun Kumpulan Koir SMK Labuan.